

28 JUL 1997

BN-Calon

AHLI PERNIAGAAN IALAH CALON BN BAGI PILIHAN RAYA KECIL SEMERAK

PASIR PUTEH, 28 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) hari ini mengumumkan pemilihan Ketua Umno Bahagian Pasir Puteh Haji Kamarudin Md Nor sebagai calonnya bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Semerak pada 11 Ogos.

Pengerusi BN Kelantan Datuk Annuar Musa membuat pengumuman itu di bilik gerakan pilihan raya BN di Cherang Ruku, dekat sini, malam ini.

Pemilihan Kamarudin, 50, ahli perniagaan, diputuskan oleh Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri. Annuar juga menerima sijil pengesahan pemilihan calon BN itu daripada Dr Mahathir hari ini.

Kamarudin lulusan Universiti Malaya juga ialah tokoh korporat dan kini menjadi pengarah di empat syarikat iaitu Dallah Al-Barakat Malaysia Holding, Syarikat joint Arab-Malaysia Investment (JAMI), L & G Bhd dan E & O Bhd selain menjadi Pengerusi Syarikat Dialog Group Bhd.

Beliau juga cergas dalam bidang kemasyarakatan dan pernah menjadi Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM) serta Setiausaha Agung dan Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Annuar berkata Kamarudin, yang menjadi Ketua Umno Bahagian Pasir Puteh sejak 1993, dipilih berdasarkan rekod cemerlangnya dalam memberi sumbangan kemasyarakatan.

Menurutnya, Kamarudin yang pernah menjadi calon BN pada pilihan raya umum 1990 bagi kawasan parlimen Pasir Puteh adalah calon terbaik untuk memimpin rakyat di kawasan itu mengecapi pembangunan.

Annuar berkata Kamarudin yang sebelum ini dilantik sebagai Pengarah Pilihan raya BN Semerak, dikekalkan bagi tugas itu.

Sementara itu, Kamarudin dalam ucapannya mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas pemilihannya sebagai calon pada pilihan raya kecil Semerak.

Sehubungan itu, beliau meminta pemilih kawasan pilihan raya itu untuk menyokong BN untuk memastikan perubahan pembangunan dapat dilaksanakan di Kelantan.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menetapkan 31 Julai sebagai tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu dan jika ada pertandingan, pengundian ialah pada 11 Ogos. -- BERNAMA

TEAM FAZ